

# MENJADI PELAJAR YANG SPECIAL & INDEPENDENT



Oleh **AMER AZLAN  
ABDUL JAMAL**  
[amer@ums.edu.my](mailto:amer@ums.edu.my)  
Jurulatih  
Pusat Kokurikulum dan  
Pemajuan Pelajar  
Universiti Malaysia Sabah

Assalamualaikum & salam sejahtera para pelajar sekalian.

Pernahkah anda terfikir untuk menjadi seorang pelajar yang *special* di mata pensyarah anda? Atau anda cenderung untuk menjadi pelajar biasa sahaja, dan sekadar mengikut orang lain? *Special* bukanlah bermaksud membodek, tetapi dari segi positifnya, bermaksud menjadi seorang yang lain daripada yang lain (atau mempunyai keistimewaan tersendiri), yang dapat mencuri perhatian tenaga pengajar mengenai kebolehan anda dalam pelbagai aspek samada akademik, moral, etika, atau kerja sosial. Contoh menjadi pelajar *special* adalah seperti berikut:

- Sentiasa berjumpa mentor, berbincang mengenai permasalahan berkaitan akademik atau bukan akademik dengan memberi laporan tentang prestasi anda setiap semester.
- Sentiasa memberi komitmen di dalam kelas; sering bertanyakan soalan, bersedia untuk memimpin (*willingness to lead*), serta fokus di dalam kuliah (tidak tidur atau bersembang).

- Menghormati tenaga pengajar, staf atau orang lain; contohnya seperti rajin memberi salam atau menegur ketika berjumpa.
- Tidak segan untuk bertanya; sentiasa berusaha mencari jalan penyelesaian mengenai sesuatu permasalahan.
- Mempunyai sikap kebertanggungjawaban yang tinggi.
- Sentiasa berpakaian kemas dan sopan.

Melalui pengamatan saya, kebanyakan pelajar lebih cenderung menjadi pelajar biasa dan sekadar menjadi pengikut (*follower*) berbanding menjadi seorang pemimpin (*leader*). Disinilah dimana anda perlu mula berdikari sebagai seorang pelajar. Belajar di universiti bukanlah semata-mata mengenai akademik sahaja, malah lebih daripada itu. *It's all about being independent. You're on your own. Independent* bermaksud *doing things on your own*. Dan ianya merangkumi pelbagai aspek. *Independent* di dalam akademik, aktiviti sosial, kokurikulum, dan pembangunan kemahiran insaniah (*soft skills*). Sebagai contoh:

- 1) Lemah di dalam pelajaran. Di Universiti, khidmat kelas tambahan tidak disediakan. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk hadir dan fokus di dalam kuliah. Jika anda lemah, anda perlu cari jalan penyelesaiannya sendiri. Anda perlu berusaha sehingga anda dapat menutup kelemahan tersebut. Buatlah temujanji dengan pensyarah dan tanya soalan mengenai topik yang anda tidak faham. Buatlah aktiviti *study group* dengan rakan-rakan yang lebih pandai daripada anda.
- 2) Lemah di dalam Bahasa Inggeris ketika membuat pembentangan. Anda perlu berusaha untuk meningkatkan kemahiran dalam menguasai Bahasa Inggeris (seperti

banyakkan membaca, menulis & bercakap menggunakan Bahasa Inggeris) dan berlatih setiap hari agar dapat meningkatkan kemahiran membuat pembentangan yang baik.

## POYO YANG CEMERLANG

Rakan saya, Saudara Azmil Abrar, seorang pelajar cemerlang semasa di universiti dahulu pernah berkata; sebagai pelajar, anda perlu menjadi seorang yang Poyo (atau temberang). Tidak salah untuk menjadi Poyo kerana ianya akan membantu kita menjadi seseorang yang istimewa (*special*). Dengan syarat, anda haruslah menjadi seorang Poyo Yang Cemerlang. Contoh Poyo Yang Cemerlang adalah lebih kurang sama dengan contoh yang saya berikan mengenai ciri-ciri pelajar *special* diatas. Antaranya:

- 1) Duduk dibarisan hadapan di dalam kelas. Sebilangan pelajar mungkin menganggap ianya Poyo kerana mahu mendapatkan perhatian pensyarah. Tetapi dari segi positifnya, duduk dibarisan hadapan dapat meningkatkan fokus kita semasa di dalam kuliah, dan dapat mendengar dengan lebih jelas suara/tonasi pensyarah, selain dapat menghindarkan diri daripada mengantok.
- 2) Sentiasa bertanyakan soalan. Sebilangan pelajar mungkin menganggap ianya Poyo kerana seperti mahu berlagak pandai. Tetapi dari segi positifnya, ianya dapat membantu kita memahami dengan lebih mendalam mengenai topik yang dipelajari, dan dapat merungkaikan segala jenis persoalan. Secara tidak langsung, kita telah membantu memberi jawapan kepada rakan-rakan yang mungkin malu untuk bertanya.
- 3) Sentiasa berpakaian kemas. Sebilangan pelajar mungkin menganggapnya Poyo kerana seperti mahu menjadi Mat Belia dan Skema. Tetapi dari segi positifnya, ianya dapat meningkatkan tahap keyakinan diri serta mendidik diri untuk menjadi lebih berdisiplin.

Menjadi seorang yang *independent* serta Poyo (yang cemerlang) dapat membantu diri anda menjadi pelajar yang *special* di mata semua orang (bukan pensyarah sahaja). Menjadi pelajar yang *special* dapat membantu meningkatkan kecemerlangan anda dalam menuntut ilmu. Tetapi ianya perlukan komitmen serta usaha yang tinggi. Di dalam dunia yang semakin mencabar ini, adalah penting untuk anda memiliki kelebihan seperti ini. Ini kerana, sesudah tamat pengajian kelak, anda terpaksa bersaing dan berhadapan dengan ribuan graduan dari pelbagai institusi pendidikan dalam dan luar negara untuk mendapatkan peluang pekerjaan.

Keputusan akademik yang cemerlang hanyalah tiket untuk memasuki sesi temuduga. Selebihnya, bergantung pada kemahiran yang anda miliki. Fikirkan, apa kemahiran yang ada pada anda? Apa bezanya diri anda dengan rakan-rakan atau graduan daripada Universiti yang lain? Apa *special*nya anda di mata mereka?

Maka belum terlewat jika anda hendak bermula dari sekarang. Ubah diri, ubah sikap, mulakan sikap berdikari, jadilah seorang yang *special* dan *independent!*